



Tel: +(6)07-55333333/+(6)07-5531169 Faks: +(6)07-5561722 <http://registrar.utm.my>

RUJUKAN KAMI : UTM.J.02.02/12.11/1/2/26 Jld.2 (24)

9 Januari 2017

RUJUKAN TUAN :

**Dr. Suraya binti Ya'acob**  
Lot 8539, Lorong Penghulu  
Batu 7 ½, Ulu Klang  
68000 Ampang  
Selangor.

Tuan/Puan,

**TAWARAN JAWATAN DI UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas, dimaklumkan bahawa pihak Universiti Teknologi Malaysia melalui mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti Bil. 1/2017 bertarikh 4 Januari 2017 telah bersetuju menawarkan kepada tuan/puan :-

Jawatan	:	<b>PENSYARAH KANAN</b>
Skim Perkhidmatan	:	<b>Pensyarah Universiti</b>
Klasifikasi Perkhidmatan	:	<b>Perkhidmatan Pendidikan</b>
Kumpulan Perkhidmatan	:	<b>Pengurusan Dan Profesional</b>
Taraf Jawatan	:	<b>Tetap</b>
Gred Gaji	:	<b>DS51</b>
Gaji Permulaan	:	<b>RM6,182.14 sebulan</b>
Jadual Gaji Minimum-Maksimum	:	<b>RM5,855.00 - RM12,445.00</b>
Kadar Kenaikan Gaji Tahunan	:	<b>RM290.00</b>
Imbuhan Tetap Perumahan	:	<b>RM700.00 sebulan</b>
Imbuhan Tetap Keraian	:	<b>RM600.00 sebulan</b>
Elaun Bantuan Sara Hidup	:	<b>RM300.00 sebulan</b>
Pusat Kos	:	<b>U.K380000.0100.00000</b>
Vot	:	<b>B11000</b>

2. Syarat-syarat pelantikan perkhidmatan tuan/puan adalah seperti di **LAMPIRAN A2**. Sekiranya tuan/puan bersetuju menerima tawaran dan syarat-syarat pelantikan, tuan/puan diminta untuk memenuhi borang-borang yang dikepikan dan mengembalikannya semula semasa melapor diri.

3. Tuan/puan akan ditempatkan berkhidmat di **Advanced Informatics School (UTM AIS), UTM Kuala Lumpur**. Walaupun demikian tuan/puan boleh ditukarkan bagi berkhidmat di Fakulti/Bahagian lain yang akan ditentukan oleh Universiti dari semasa ke semasa.



...2/-



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT NO. AR3346



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT NO. AR3346

4. Tuan/puan dikehendaki melaporkan diri di **Bahagian Sumber Manusia, Advanced Informatics School (UTM AIS), UTM Kuala Lumpur** pada **jam 8.00 pagi** dalam tempoh **tiga puluh (30) hari** dari tarikh surat ini dikeluarkan. Tarikh kuat kuasa pelantikan tuan/puan ialah mulai **tarikh tuan/puan melapor diri**.


5. Jika sekiranya Universiti ini tidak menerima jawapan dari tuan/puan dalam tempoh **tiga puluh (30) hari** dari tarikh surat ini, maka tawaran ini dianggap terbatal dengan sendirinya.

6. Gaji yang ditawarkan kepada tuan/puan adalah muktamad setelah melapor diri. Sebarang rayuan berkaitan penetapan gaji permulaan hendaklah dikemukakan sebelum melapor diri.

Sekian, terima kasih.

**“Berkhidmat Untuk Negara”**

Yang benar,



**ABDUL RAZIB BIN H.J. SHAHUDDIN**

Timbalan Pendaftar Kanan  
Bahagian Sumber Manusia

b.p. Naib Canselor

☎ 07-5530297

✉ [abdrizib@utm.my](mailto:abdrizib@utm.my)

- s.k. - Dekan  
Advanced Informatics School (UTM AIS)  
UTM Kuala Lumpur
- Timbalan Pendaftar  
Advanced Informatics School (UTM AIS)  
UTM Kuala Lumpur
- Timbalan Pendaftar  
Pejabat Pendaftar  
UTM Kuala Lumpur
- Fail Peribadi



**UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA  
SYARAT-SYARAT PELANTIKAN PERKHIDMATAN UNTUK  
CALON-CALON WARGANEGARA**

1. Pergerakan gaji tahunan tuan/puan adalah tidak secara automatik dan akan ditentukan oleh Ketua Jabatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.
2. Semasa dalam tempoh percubaan tuan/puan hanya layak dipertimbangkan untuk pergerakan gaji secara biasa ataupun statik berasaskan kepada prestasi perkhidmatan tuan/puan.
3. Tawaran jawatan ini adalah tertakluk kepada syarat seperti berikut:-
  - 3.1 Jawatan yang ditawarkan ini adalah jawatan tetap.
  - 3.2 Tuan/puan dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama satu hingga tiga (1-3) tahun. Sebelum tuan/puan boleh dipertimbangkan untuk disahkan dalam perkhidmatan tuan/puan adalah dikehendaki:-
    - 3.2.1 hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda;
    - 3.2.2 lulus peperiksaan yang disyaratkan seperti yang ditetapkan skim perkhidmatan; dan
    - 3.2.3 diperakukan oleh Ketua Jabatan setelah hadir dengan jayanya Kursus Sijil Pengajaran Pengajian Tinggi (SPPT).
  - 3.3 Sebelum tuan/puan dipertimbangkan untuk disahkan dalam perkhidmatan, tuan/puan akan dikehendaki membuat opsyen samada opsyen memilih skim pencen atau Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP). Opsyen tersebut adalah tertakluk kepada peraturan berikut:-
    - 3.3.1 Tuan/puan hanya layak membuat opsyen berkenaan jika tuan/puan telah dilantik buat pertama kalinya ke dalam perkhidmatan Universiti Teknologi Malaysia pada atau selepas 12 April 1991;
    - 3.3.2 Sekiranya tuan/puan telah dilantik ke perkhidmatan Sektor Awam buat pertama kalinya pada atau selepas 12 April 1991 dan telah membuat opsyen, dan kemudiannya dilantik ke perkhidmatan Universiti Teknologi Malaysia, opsyen yang telah tuan/puan buat tersebut akan dikekalkan (tuan/puan adalah diminta mengemukakan salinan sah opsyen tersebut). Opsyen tersebut adalah muktamad;

- 3.3.3 Sekiranya tuan/puan telah diberikan taraf pekerja berpencen dan kemudian dilantik ke perkhidmatan Universiti Teknologi Malaysia, tuan/puan tidak layak diberi opsyen tersebut; dan
- 3.3.4 Tuan/puan juga adalah tertakluk kepada syarat dan peraturan yang berkaitan dengan opsyen tersebut yang akan ditetapkan dari masa ke masa.
- 3.4 Perkhidmatan tuan/puan boleh ditamatkan mengikut syarat seperti berikut:-
- 3.4.1 Dalam Tempoh Percubaan
- Perkhidmatan tuan/puan boleh ditamatkan dengan diberi satu bulan notis atau dibayar satu bulan gaji sebagai ganti notis tanpa diberi sebarang sebab.
- 3.4.2 Jika Gagal Disahkan Dalam Perkhidmatan
- Sekiranya tuan/puan gagal disahkan dalam perkhidmatan kerana tidak memenuhi syarat di bawah perenggan 3.2 di atas, perkhidmatan tuan/puan boleh ditamatkan dengan diberi sebulan notis atau dibayar satu bulan gaji sebagai ganti notis ataupun jika tempoh percubaan tuan/puan dipertimbangkan untuk dilanjutkan ianya hendaklah dengan berdenda atau tidak berdenda tertakluk kepada keputusan Universiti.
- 3.4.3 Setelah Disahkan Dalam Perkhidmatan
- Setelah disahkan dalam perkhidmatan, perkhidmatan tuan/puan boleh dihentikan melalui tindakan tatatertib atau menurut syarat yang diperuntukan di bawah undang-undang pencen.
- 3.4.4 Pengakuan Palsu
- Pihak Universiti berhak membatalkan tawaran ini dan/atau menamatkan perkhidmatan tuan/puan dengan serta-merta sekiranya di dalam mana-mana butiran atau maklumat yang tuan/puan kemukakan semasa membuat permohonan bagi perkhidmatan ini didapati tidak benar, palsu dan sebagainya.
- 3.5 Tuan/puan boleh memohon meletakkan jawatan dengan memberi satu bulan notis bertulis jika belum disahkan dalam perkhidmatan, atau membayar balik satu bulan gaji sebagai ganti notis dan diluluskan oleh Universiti. Setelah disahkan dalam perkhidmatan tuan/puan boleh memohon meletakkan jawatan dengan memberi tiga bulan notis bertulis atau membayar sebulan gaji sebagai

ganti notis dan diluluskan oleh Universiti. Kelulusan peletakan jawatan tuan/puan adalah juga tertakluk kepada syarat yang tertentu seperti menyelesaikan semua pembayaran bersabit dengan tindakan pecah kontrak dengan UTM dan hutang yang sedia ada dengan pihak UTM.

- 3.6 Tuan/puan mestilah cukup sihat. Tuan/puan akan diterima menjawat jawatan ini tertakluk kepada keputusan pemeriksaan doktor yang memberi perakuan atas kesihatan tuan/puan.
- 3.7 Tuan/puan dan tanggungan tuan/puan layak mendapat kemudahan rawatan dan perubatan sama ada daripada Doktor Panel Universiti Teknologi Malaysia atau Hospital/Klinik Kerajaan (termasuk Hospital Universiti) tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan dari masa ke semasa. Faedah perubatan ini juga diperuntukan kepada ibubapa yang sah sahaja untuk mendapat rawatan di Hospital Kerajaan termasuk Hospital Universiti.
- 3.8 Tuan/Puan pada setiap masa adalah tertakluk kepada Akta Universiti dan Kolej Universiti, 1971, Perlembagaan Universiti Teknologi Malaysia, Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000, Statut, Akta, Peraturan, Pekeliling dan lain-lain peraturan yang berkuatkuasa di Universiti Teknologi Malaysia.
- 3.9 Tuan/Puan diwajibkan mengisytiharkan semua pemilikan harta tuan/puan dan/atau isteri, suami dan anak, kepada Naib Canselor tidak lewat dari tiga (3) bulan selepas tarikh melapor diri. Ini adalah selaras dengan Sub Peraturan 9 (1) Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000.
- 3.10 Tuan/puan adalah layak mendapat cuti rehat mengikut peraturan yang ditetapkan oleh Universiti.
- 3.11 Tuan/Puan adalah dikehendaki bebas dari sebarang ikatan perjanjian mengenai biasiswa atau sebagainya dengan pihak yang lain selain daripada Universiti ini dan sekiranya ada perkara yang berbangkit mengenainya tuan/puan hendaklah menguruskannya tanpa melibatkan Universiti Teknologi Malaysia.
- 3.12 Bagi tujuan meningkatkan prestasi perkhidmatan tuan/puan dikehendaki menjalani kursus dan latihan dari semasa ke semasa yang akan ditetapkan oleh pihak berkuasa Universiti.
- 3.13 Tuan/puan di sepanjang perkhidmatan dengan Universiti Teknologi Malaysia dikehendaki menjalankan tugas, kewajipan dan tanggungjawab yang ditetapkan dari masa ke semasa serta boleh diarahkan bertugas dimana-mana bahagian dan fakulti di Universiti ini.
- 3.14 Tuan/puan diwajibkan bersara apabila mencapai umur 60 tahun.
- 3.15 Tuan/Puan hendaklah bukan penagih dadah dan/atau tidak pernah disabitkan

atas tuduhan dan didapati bersalah oleh mahkamah kerana menyalahgunakan dadah dibawah Akta Dadah Berbahaya 1952.

- 3.16 Tuan/Puan hendaklah tidak pernah disabitkan atas tuduhan jenayah dan tidak pernah ditahan di bawah peraturan darurat.
  - 3.17 Tuan/Puan hendaklah tidak pernah dibuang kerja atau digantung kerja atau diisytiharkan meninggalkan jawatan dalam Warta Kerajaan di mana-mana perkhidmatan Kerajaan.
  - 3.18 Tuan/Puan hendaklah bebas dari kesusahan kerana hutang dan tiada apa-apa jua tanggungan atau apa-apa perjanjian hutang samada sebagai peminjam atau penjamin.
  - 3.19 Tuan/puan juga adalah tertakluk kepada syarat lain yang tidak termasuk dalam tawaran ini dan syarat-syarat yang akan diterima pakai atau dipinda dari semasa ke semasa.
4. Sekiranya tuan/puan menerima atau tidak tawaran ini mengikut syarat di atas dan tuan/puan diminta, memberitahu pihak Universiti. Jika sekiranya tuan/puan menerima tawaran ini, tuan/puan diminta:-
- 4.1 Menandatangani surat penerimaan jawatan.
  - 4.2 Mengisi bahagian pertama Borang Pemeriksaan Kesihatan (LAMPIRAN A) yang dilampirkan bersama ini dan menyerahkan kepada Doktor Panel seperti yang tersenarai dalam tawaran ini. Jika tuan/puan tinggal di luar kawasan Kuala Lumpur atau Johor Bahru, Johor, tuan/puan boleh membuat pemeriksaan dengan Pegawai Perubatan di Hospital Kerajaan yang berhampiran dengan tempat tinggal tuan/puan. Tuntutan atas bayaran pemeriksaan ini boleh dibuat kepada Universiti ini semasa tuan/puan melaporkan diri dengan mengemukakan resit yang sah.
  - 4.3 Mengisi dan menandatangani Surat Akuan Sumpah di hadapan Majistret/ Pesuruhjaya Sumpah. Perkhidmatan tuan/puan boleh ditamatkan dengan serta-merta sekiranya butir-butir yang tercatat dalam surat sumpah dan mana-mana butir yang diberi terdahulu tidak benar. Surat Akuan Sumpah mestilah ditampal dengan setem dan dimatikan.
  - 4.4 Menandatangani Surat Akta Rahsia Rasmi, 1972.
  - 4.5 Mengisi Borang Kemasukan Data Kakitangan Baru.
  - 4.6 Mengisi dan menandatangani Borang Pendaftaran Klinik Panel.

- 4.7 Mengisi dan menandatangani Surat Akujanji.
5. Semasa tuan/puan melaporkan diri, tuan/puan diminta mengemukakan gambar, sijil asal dan salinan sijil yang telah disahkan untuk pengesahan dan kegunaan Universiti. Dokumen yang diperlukan seperti berikut :-
- 5.1 Sijil SRP/PMR/SPM/STPM
  - 5.2 Diploma-Diploma/Ijazah-Ijazah Universiti
  - 5.3 Kad Pengenalan dan Surat Beranak/Sijil Kerakyatan
  - 5.4 Satu (1) keping gambar terbaru tuan/puan dan sekeping (1) gambar tanggungan tuan/puan berukuran pasport.


Semua surat dan borang-borang di perenggan 4.

6. Sekiranya tuan/puan seorang pegawai yang baru pertama kali dilantik ke dalam perkhidmatan kerajaan, tuan/puan layak membuat tuntutan tambang perjalanan bagi diri dan keluarga dari rumah kediaman ke tempat bertugas mengikut kelayakan tambang perjalanan yang layak diperolehi setelah memegang jawatan yang ditawarkan.
7. Pihak Universiti telah menetapkan KPI seperti di lampiran, tertakluk kepada perubahan dari semasa ke semasa dan ketetapan oleh Ketua Bahagian di Fakulti/PTJ berkaitan.

**Terms of Appointment For Lecturers Grade DS51**  
**Job Specifications & Main Performance Indicators:**

No.	Main Responsibility	Main Performance Indicator
a.	Perform Lecturing Duties	<ol style="list-style-type: none"> <li>Lecture not more than two courses at the M.SC level each semester.</li> <li>Lecture one course at the Bachelor level each semester.</li> </ol>
b.	Supervise Students' Research	<ol style="list-style-type: none"> <li>Supervise two PhD students within three years</li> <li>Supervise two postgraduates (course work &amp; research and/or research only) at any one time.</li> <li>Supervise four undergraduates (Final year project) at any one time.</li> </ol>
c.	Conduct Academic Research	<ol style="list-style-type: none"> <li>Head a research that has been awarded a grant at any one time (has more than two research members).</li> <li>Obtain a research grant of more than RM 200,000 from e-science and/or techno fund within three years.</li> </ol>
d.	Produce Academic Publications	<ol style="list-style-type: none"> <li>Write three articles per year for any <i>citation-indexed journal</i> with an impact factor &gt;0.5 or 4 articles for <i>non-citation indexed journals</i>.</li> <li>Write <i>two book chapters</i> per year.</li> <li>Edit a book chapters in the area of your expertise.</li> <li>Produce two articles per year for <i>indexed-journals / proceedings</i>.</li> </ol>
e.	Internationalization	<ol style="list-style-type: none"> <li>Prepare MOU in various such as research, supervision, student admission and exchange with established universities known for its expertise in the country of origin.</li> <li>Assist in the promotion and marketing of other UTM programs in your country of origin.</li> </ol>
f.	Networking with the Industry	<ol style="list-style-type: none"> <li>Organize seminars, short courses and workshops with the industry.</li> <li>Conduct industry-based research with the industry.</li> <li>Seek opportunities for students and staff to participate in industrial attachments at the industry.</li> </ol>
g.	Perform duties assigned or given by the University/Dean/Head of Department from time to time.	

Prepared by:



Agreed by:

\_\_\_\_\_

Dean : PROF. DR. HAJI SHAMSUL BIN SANIBUDDIN

Faculty :

Date :

DEKAN  
 SEKOLAH INFORMATIK TERMAJU  
 UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA  
 JALAN SEMARAK, 54100 KUALA LUMPUR  
 TEL: 03-21805260 FAX: 03-21805370  
 EMAIL: shamsul@utm.my

Date :



**KEY AMAL INDICATORS FOR ACADEMIC STAFF  
AT UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA  
(MyRA II requirement based) (PUBLICATION)**

SECTION	C1	GRADE	Amount (All Staff) (A)	No. (Full Research Staff) (A+ 20%)	No. (Foreign Staff) (A+ 30%)
A	Total number of publications in citation-indexed journals including refereed proceedings	VK07/06	6	7	8
		DSS3/54	5	6	7
		DS51/52	4	5	5
		DS45/46	2	2	3
B	Cumulative impact factor of publications	VK07/06	3.5	4.20	4.55
		DSS3/54	2.5	3.00	3.25
		DS51/52	1.5	1.80	1.95
		DS45/46	0.5	0.60	0.65
C	Total no of publications in on-citation-indexed Journal	VK07/06	2	2	3
		DSS3/54	2	2	3
		DS51/52	2	2	3
		DS45/46	2	2	3
D	No. of research books (4 chapters in research book(s) are equivalent to 1 research book)	VK07/06	1	1	1
		DSS3/54	1	1	1
		DS51/52	1	1	1
		DS45/46	1	1	1
E	Other Publications (including conference proceedings) that have created an impact to government/society/policy	VK07/06	2	2	3
		DSS3/54	2	2	3
		DS51/52	2	2	3
		DS45/46	2	2	3

**(RESEARCH GRANT)**

SECTION	C1	GRADE	Amount (All Staff) (A)	No. (Full Research Staff) (A+ 20%)	No. (Foreign Staff) (A+ 30%)
A	Funding from government agencies (GUP, Institution)	VK07/06	32,000.00	38,400.00	41,600.00
		DSS3/54	32,000.00	38,400.00	41,600.00
		DS51/52	32,000.00	38,400.00	41,600.00
		DS45/46	32,000.00	38,400.00	41,600.00
B	Private funding including contract research (OTHERS)	VK07/06	40,000.00	48,000.00	52,000.00
		DSS3/54	30,000.00	36,000.00	39,000.00
		DS51/52	25,000.00	30,000.00	32,500.00
		DS45/46	20,000.00	24,000.00	26,000.00
C	International funding	VK07/06	50,000.00	60,000.00	65,000.00
		DSS3/54	40,000.00	48,000.00	52,000.00
		DS51/52	30,000.00	36,000.00	39,000.00
		DS45/46	20,000.00	24,000.00	26,000.00